

# Dr Mahathir mahu umat Islam atasi kelemahan

BH 10/7/03  
PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu mencari jawapan bagi pelbagai masalah yang dihadapi sekarang, iaitu boleh diperlalsukan apa saja secara sewenang-wenang terhadap umat dan negara Islam.

"Umat Islam di mana-mana saja tentu sedar ancaman yang dihadapi pada waktu ini," kata Perdana Menteri dalam kata-kata aluan buku cenderamata Multaqa Ulama Sedunia, yang bermula di sini.

Beliau berkata, mereka tentu sedar mengenai kelemahan umat dan negara Islam sehingga tidak mungkin dapat mempertahankan diri sama ada secara diplomasi atau ketenteraan.

Dr Mahathir juga menyoal mengapa keadaan itu berlaku sedangkan pada waktu dulu empayar Islam begitu kuat dan dianggap kuasa dunia yang amat dihormati.

"Agama Islam yang dibawa Nabi Muhammad hanyalah satu. Hari ini, ada beratus-ratus agama yang didakwa agama Islam oleh pengikutnya," katanya.

Beliau berkata, sering kali ajaran itu bukan saja bertentangan antara satu sama lain, malah masing-masing menuduh pengikut tafsiran yang berbeza daripada mereka sebagai tidak Islam.

Sambil mengalu-alukan kedatangan peserta dalam dan luar negara ke multaqa itu, Perdana Menteri berharap sedikit sebanyak ia dapat mengurangkan kekeliruan dan kelemahan umat Islam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, pertemuan itu amat penting berilcutan apa yang sedang berlaku kepada umat dan negara Islam masa kini.

"Dalam hubungan ini, ulama pewaris Nabi mempunyai fungsi penting melakukan islah ke arah memurnikan pemikiran umat Islam dan memberi kefahaman mengenai Islam kepada yang bukan Islam sebagai agama yang menolak fahaman melampau atau ekstrem," katanya.